

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK AZIZ KAPRAWI  
TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
PADA  
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
MOT, JABATAN DAN AGENSI**

**4 APRIL 2017 DEWAN SRI SIANTAN, PUTRAJAYA**

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia  
Salam Sehati Sejiwa.

Yang dihormati saudara/saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim,  
Ketua Setiausaha,

Yang Berbahagia Datuk Ruhaizah Mohamed Rashid  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),

Yang Berbahagia Dato' Chua Kok Ching  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Datuk/ Dato', Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 serta  
pesara dan bakal-bakal pesara 2017

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini bagi meraikan para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan pesara serta bakal pesara dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 dan Jasamu Dikenang 2017 Kementerian Pengangkutan Malaysia.
2. Saya juga amat berbesar hati kerana dapat menyempurnakan majlis pada hari ini. Di kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan salam dan ucapan maaf daripada YB Menteri, Dato' Sri Liow Tiong Lai kerana tidak dapat hadir ke majlis ini kerana beliau kini berada di India mengikuti lawatan YAB Perdana Menteri.
3. Sememangnya, hari ini merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa buat kita semua kerana kita memberikan penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga MOT, Jabatan dan Agensi yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang dan professional dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas di kementerian dan agensi masing-masing.
4. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada 449 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MOT yang terdiri daripada warga MOT, JPJ, DCA, JLM, JKJR, MIROS, RAC, LPK, LPKtn, LPJ, LPB dan SPP bagi tahun 2016 yang selayaknya menerima pengiktirafan ini. Ucapan tahniah ini dipanjangkan juga buat 62 orang pesara/bakal pesara bagi bulan Januari hingga Jun tahun 2017 ini.
5. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Kementerian ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas jasa dan bakti semua pesara bakal pesara MOT bagi tahun 2017.
6. Seperti tahun lepas, penggabungan penganjuran majlis APC yang melibatkan MOT, jabatan dan agensi di bawahnya ini merupakan inisiatif kementerian bagi mengoptimumkan perbelanjaan berhemah dan langkah berjimat cermat tanpa menjejaskan hasrat dan objektif APC.

7. Ianya juga memberi peluang kepada MOT untuk memupuk dan memperkuat semangat kekitaan dikalangan warga MOT serta agensi-agensi di bawahnya di dalam satu majlis.
8. Apa yang menarik tentang APC pada kali ini adalah, buat julung kalinya, penganjuran majlis APC MOT 2016 kali ini dilaksanakan secara bersepadu dengan pesara dan bakal pesara Kementerian dan semua Jabatan serta Agensi di bawahnya.
9. Majlis sebegini merupakan platform bagi saya serta pucuk pimpinan MOT bagi menzahirkan penghargaan di atas kecemerlangan yang ditunjukkan oleh para pegawai di Kementerian ini sepanjang tahun 2016. Saya juga difahamkan, bukan mudah untuk memilih penerima-penerima APC; mereka ini telah melalui beberapa tahap tapisan sebelum berjaya. Oleh itu, sekali lagi, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terpilih.
10. Adalah menjadi harapan saya dengan pengiktirafan ini, saudara saudari akan terus melipatgandakan usaha dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam. Bagi mereka yang akan bersara, saya mengucapkan selamat bersara dan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas jasa dan sumbangan saudari-saudari kepada perkhidmatan awam.

## **BUDAYA KERJA CEMERLANG**

11. Kementerian sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang yang diberikan oleh semua pegawai dan kakitangan melalui pelbagai jenis anugerah, ganjaran serta pengiktirafan.
12. Saya sangat berharap agar APC dapat memberi galakan dan pencetus kepada semua warga MOT untuk terus memberikan sepenuh daya usaha dalam mempertingkatkan produktiviti serta mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini bagi menjadikan perkhidmatan awam kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini dan disegani oleh rakyat yang menepati kehendak dan ekspektasi mereka.

13. Pengiktirafan ini seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua warga Kementerian untuk membuktikan keupayaan masing-masing untuk terus maju pada masa akan datang. Kita perlu bersaing secara sihat untuk terus cemerlang melalui penambahbaikan, berinovasi, sentiasa berusaha melakukan perubahan secara berterusan dan memberi manfaat kepada rakyat.
14. Bagi membolehkan kita mencapai kecemerlangan walaupun dengan ekspektasi dan kekangan sumber yang semakin meningkat, MOT perlu kekal relevan dan perlu menunjukkan prestasi kerja yang lebih berkualiti serta sentiasa menambahbaik mutu perkhidmatan yang disampaikan. Bagi merealisasikan transformasi yang dirancang, penglibatan semua warga MOT amat diperlukan, sama ada secara *top-down* atau *bottom-up*.
15. Seperti yang kita semua maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan tahun 2017 sebagai "*year of delivery*". Makanya, kita perlu fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih jitu, efisien dan memberi kesan kepada rakyat.
16. Ini bermaksud, sebagai penjawat awam, kita mesti melaksanakan program, projek, perkhidmatan dan inisiatif-inisiatif yang telah diputuskan Kerajaan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat.
17. Sewajarnya semua warga MOT di semua peringkat diberikan peluang untuk mengikuti latihan-latihan yang berkualiti tinggi. Barisan pelapis yang sedia ada perlulah dibentuk dan disiapsiagakan dari sekarang. Bakat sedia ada di dalam MOT ini wajar digilap dengan sebaik mungkin agar mereka boleh meneruskan kesinambungan kecemerlangan di MOT nanti.
18. Untuk mencapai tahap kecemerlangan, sesebuah organisasi tidak boleh bergantung kepada kecekapan dan kemahiran segelintir warganya sahaja. Ia memerlukan kesemua pegawai dan kakitangan bersama-sama berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan. Ini bagi memastikan pasukan

perkhidmatan awam menjadi pasukan yang kuat dan kukuh dalam menjalankan urusan pentadbiran negara.

19. Untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas, warga MOT hendaklah mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) iaitu terus menimba ilmu pengetahuan bagi mempelajari kaedah terbaru yang terbaik dan penambahbaikan secara berterusan (*continuous improvement*). Justeru itu, sama-samalah kita berfikiran lebih jauh untuk memastikan inovasi itu mencapai satu tahap yang membanggakan semua pihak.

Hadirin hadirat sekalian,

20. Menjadikan asas "*year of delivery*" sebagai fokus kita, oleh itu, kita semua bertanggungjawab dalam mengurus sumber-sumber yang sedia ada dengan cekap dan mencapai tahap optimum serta bersedia untuk memikirkan cara terbaik untuk memastikan langkah-langkah penjimatan dalam penggunaan sumber yang ada.
21. Sebagai contoh dalam situasi sekarang di mana pengisian jawatan adalah amat terhad terutama dalam pengisian jawatan di peringkat gred lantikan, kerajaan telah menghadkan pengisian jawatan keseluruhan kepada 1.6 juta daripada 1.7 juta jawatan. Justeru, kita perlu menggunakan sumber tenaga kerja yang sedia ada dengan lebih kreatif dan bijak dalam melaksanakan tugas di pejabat.

## **PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN**

Warga MOT, Jabatan dan Agensi sekalian,

22. Justeru itu, saya menyeru agar seluruh warga MOT bergerak seiring dengan saya. Marilah kita sama-sama mentransformasikan cara kita bekerja dengan lebih cekap dan cepat, cara berinteraksi dengan lebih mesra dan cara bertindak sebagai fasilitator kepada pelanggan. Saya yakin transformasi Kementerian

yang telah kita garap akan berjaya sekiranya kita terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa.

23. Ini perlu berjalan seiring dengan inisiatif Transformasi Nasional 50 atau TN50 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2017 yang lalu. Ini penting kerana TN50 merupakan asas yang telah dirangka untuk membawa kita ke arah pembangunan negara yang lebih mantap menjelang tahun 2050.
24. Kita semua sedar bahawa lebih kurang 3 tahun sahaja lagi kita akan sampai ke tahun 2020. Ini bukanlah bermaksud bahawa TN50 akan mengambil alih Wawasan 2020 yang direncanakan lebih 30 tahun yang lalu.
25. Wacana pemikiran YAB Perdana Menteri dalam mewujudkan TN50 adalah satu perancangan pelan yang lebih baik menjelang 2050 bagi memastikan negara berada di landasan yang tepat dengan menetapkan KPI bagi setiap implementasi program transformasi yang dirancang.
26. TN50 akan menjangkau tiga dekad proses dan gerak kerjanya, bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence*. TN50 akan dimula digerakkan dengan generasi muda pelbagai bangsa melalui wacana-wacana nasional atau *national discourse* seperti diputuskan oleh Kabinet.
27. Biarlah TN50 ini menjadi saksi dan sejarah bahawa, kita adalah bapa-bapa atau nenek moyang yang bertanggungjawab, mahu mewariskan yang terbaik dan terhebat, diperturunkan kepada generasi hari muka. TN50, inilah azimat kita mulai kini, biarlah legasi lama berlalu pergi. Harapan masa depan Malaysia kita baharui.
28. Adalah diharapkan bahawa menjelang 2050, kita akan menjadi sebuah negara yang yakin dengan diri sendiri, meraikan kepelbagaian kita, berbangga dengan kejayaan kita, dan sentiasa memastikan semua rakyat Malaysia bersama sepenuhnya dalam perjalanan menuju kejayaan yang sedang Malaysia lalui.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

29. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MOT bagi tahun 2016. Saya juga ingin mengucapkan selamat bersara kepada semua pesara dan bakal pesara 2017.
30. Besar harapan saya agar bersempena dengan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MOT ini, semua warga MOT akan sentiasa meletakkan diri sebagai seseorang yang sangat berharga untuk setiap tugas yang dilakukan tanpa mengira masa, tenaga dan buah fikiran. Kecemerlangan ini akan terus menjadi pemangkin dan menjadi pendorong untuk kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.
31. Pengiktirafan yang tuan-tuan dan puan-puan terima pada hari ini sebenarnya membawa amanah dan tanggungjawab baru dalam kehidupan peribadi dan karier tuan-tuan dan puan-puan. Dengan demikian, diharapkan MOT akan mencapai satu tahap yang berprestij tinggi dalam mendukung watak negara untuk lebih sejahtera, maju dan berjaya pada masa akan datang.
32. Kepada para pegawai dan kakitangan yang lain, janganlah berputus asa. Lipat gandakanlah usaha anda secara berterusan di masa akan datang. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat meningkatkan mutu, prestasi kerja dan produktiviti untuk menjayakan semua dasar, program dan aktiviti yang telah dirancangkan supaya sistem penyampaian kita mampu merealisasikan aspirasi Kerajaan selaras dengan gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Sekian, terima kasih.